

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

SESI BERSAMA PRESIDEN ANGKASA

**16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)
2.30 PETANG
AUDITORIUM ANGKASA KELANA JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari
pengacara majlis,

(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani,
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah marilah kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T atas Rahmat dan limpah kurnia Nya kerana pada hari ini kita sekali lagi dapat berkumpul untuk Sesi Bersama Presiden bagi bulan November 2023.

2. Ingin juga saya alu-alukan kehadiran seluruh Anggota Lembaga, Pengerusi JPAN dan juga warga kerja ANGKASA serta anak syarikat di seluruh negara yang komited untuk mengikuti perjumpaan pada pagi sama ada

secara fizikal di dalam auditorium ini mahupun secara dalam talian.

3. Perjumpaan yang diadakan pada setiap bulan ini merupakan pentas untuk kepimpinan ANGKASA, termasuk saya untuk berada dengan para penggerak organisasi ini, iaitu Tuan-tuan dan puan – puan semua. Inilah platform untuk kita semua berkongsi berkenaan perkembangan terkini

berkenaan aktiviti ANGKASA dan juga
landskap koperasi secara
keseluruhannya.

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan
yang dihormati sekalian**

4. ANGKASA telah mengadakan Bengkel Transformasi ANGKASA yang telah diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia di Hotel Mardhiyah selama 3 hari. Melalui bengkel ini kita telah melihat kepada penambahbaikan yang dapat kita lakukan baik dari segi cara kerja, penyusunan struktur dan lain – lain untuk memastikan organisasi kekal mampan sebagai badan puncak

yang menerajui gerakan koperasi di negara ini.

5. Bagi kakitangan yang tidak terlibat dengan bengkel tersebut ingin saya tekankan berkenaan kepentingan maqasid syariah dalam organisasi dimana ia memementingkan pengurusan

yang berlandaskan syariah Islam, kerana jatuh bangun sesebuah organisasi, cemerlang ataupun tidak adalah bergantung kepada pengurusan yang cekap dan berkesan.

6. Pertama dari segi hifz ad-din iaitu menjaga agama. Penting sebagai umat Islam mengutamakan agama biarpun sibuk dengan tugas hakiki.

Aspek keagamaan harus ditonjolkan dalam konteks organisasi. Aktiviti yang dijalankan hendaklah dikendalikan dengan berhati-hati bagi mengelakkan percanggahan dengan ajaran tauhid dan mempersoalkan akidah seseorang individu.

7. Kedua hifz al-aql iaitu memelihara akal. Kakitangan perlu mempersiapkan diri dengan ilmu. Ilmu asas kepada ketamadunan dan mampu bawa organisasi ke tahap yang lebih tinggi. Untuk menangani cabaran globalisasi, adalah penting untuk sesebuah organisasi mengutamakan integrasi pengetahuan dan kemajuan dalam sains dan teknologi. Ini akan

membantu membangunkan modal insan yang menyumbang kepada kemajuan negara, bangsa dan manusia secara keseluruhannya.

8. Ketiga ialah hifz al-mal iaitu menjaga harta. Kakitangan harus mengelakkan sebarang manipulasi

dalam proses perolehan dan berusaha untuk menjimatkan wang dan meminimumkan pembaziran. Pengurusan harta organisasi hendaklah dilakukan dengan cara yang menghalang penyelewengan, rasuah, dan penipuan yang akan membawa kepada keruntuhan organisasi.

9. Yang keempat hifz an-nas iaitu memelihara keturunan. Maqasid

syariah sangat mementingkan batasan pergaulan antara jantina. Di dalam sesebuah organisasi, setiap individu perlulah menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan. Jika tidak ianya boleh membawa kemudharatan yang akan mengganggu prestasi kerja seseorang individu.

Akhlak dan nilai murni individu di dalam sesebuah organisasi perlu dikukuhkan bagi menjaga reputasi organisasi.

10. Dan yang terakhir hizan nafs iaitu menjaga nyawa. Oleh sebab itulah ANGKASA juga seringkali mengadakan program berbentuk kesihatan seperti derma organ, derma darah dan juga pemeriksaan

kesihatan yang diadakan secara berkala.

11. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kakitangan yang telah melaksanakan Saringan Kesihatan PERKESO (HSP) 3.0 Warga ANGKASA yang diselaraskan oleh Bahagian

Komunikasi Korporat hari ini. Saya harap warga ANGKASA akan sentiasa cakna dan mempunyai kesedaran yang tinggi dengan tahap kesihatan diri masing-masing.

12. Saya percaya sekiranya kita memulakan aktiviti gaya hidup sihat secara berdisiplin, ia bukan sahaja akan meningkatkan tahap kecergasan fizikal malah akan

menajamkan pikiran untuk berfikir secara kritis, membantu kecerdasan minda dan meningkatkan kemampuan kognitif dan intelektual untuk melaksanakan kerja dan aktivitas seharian dengan lebih baik.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

13. Situasi semasa di bumi Palestin cukup meruntun hati kita semua warga Islam di mana saudara seagama kita sedang berjuang dalam mempertahankan nyawa dan negara dari pencerobohan tentera Israel.

14. Gerakan koperasi mempunyai tanggungjawab menjaga

kemakmuran hidup merentasi agama dan bangsa merentasi negara. Isu di Palestin pada masa ini perlu diberi perhatian dan bantuan sewajarnya oleh semua pihak tanpa mengira pegangan agama kerana ianya melibatkan isu kesejahteraan kehidupan manusia sejagat.

15. Justeru sebagai tanda cakna dengan kemusnahan yang berlaku, ANGKASA telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin Gerakan Koperasi Malaysia bagi menyalurkan dana bantuan kepada rakyat Palestin. Dana sumbangan ini akan diberikan kepada organisasi yang akan menyalurkan sumbangan peralatan dan perubatan menerusi CoopFarmasi

ANGKASA yang amat kritikal
keperluannya kepada rakyat Palestin.

Marilah kita sama-sama berdoa agar
rakyat Palestin diberi ketabahan,
kesabaran dan kemenangan. Semoga
penjajahan sekian lama dan
keganasan yang melampaui batas
manusia ini berakhir. Hanya kepada

ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA kita
berserah.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

HASBUNALLAH WA NI'MAL WAKIIL

"Cukuplah Allah menjadi pelindung bagi kami.
Allah adalah sebaik-baik pemberi perlindungan."

[Ali 'Imran, 3: 173]

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

16. Itulah sedikit perkongsian saya pada hari ini. Semoga kakitangan ANGKASA dapat menerapkan prinsip maqasid syariah dan membantu organisasi untuk bergerak dengan lebih maju. Syariah Islam sangat menggalakkan kebaikan dan mencegah

kemungkinan. Oleh itu, organisasi yang mengamalkannya dapat mencapai keamanan dan kestabilan dalam organisasi tersebut.

17. Sehingga di sini sahaja ucapan dan perkonogian saya pada hari ini. Sekian wabillahitaufik walhidayah

wassalamualaikum
wabarakatuh.

warahmatullahi